



# MyUBAT

## Apakah itu MyUBAT ?

MyUBAT adalah aplikasi telefon pintar untuk :

- memudahkan dan mempercepatkan urusan pendaftaran serta pengambilan bekalan ubat susulan pesakit dari fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.
- membolehkan pesakit memantau temu janji perkhidmatan nilai tambah farmasi.

## Apakah perkhidmatan yang disediakan melalui MyUBAT?

Terdapat dua perkhidmatan nilai tambah farmasi yang disediakan pada masa ini, iaitu :



### 1. Sistem Temu Janji


Pesakit boleh mendapatkan bekalan ubat susulan di fasiliti kesihatan pada tarikh temu janji yang telah dipersetujui antara pesakit dan pihak farmasi.



### 2. Ubat Melalui Pos (UMP)

Bekalan ubat susulan pesakit boleh dihantar oleh syarikat penghantaran ke lokasi pilihan pesakit dengan caj tertentu.





# MyUBAT : Sistem Temu Janji




## Apakah itu Sistem Temu Janji ?

Sistem temu janji merupakan perkhidmatan pembekalan ubat susulan pesakit di fasiliti kesihatan pada tarikh temu janji yang telah dipersetujui antara pesakit dan pihak farmasi.

Pesakit boleh mendapatkan bekalan ubat susulan di fasiliti kesihatan pada tarikh tersebut **tanpa perlu menunggu lama** kerana bekalan ubat susulan pesakit akan disediakan lebih awal dari tarikh temu janji.

## Bagaimanakah Untuk Mendapatkan Perkhidmatan Sistem Temu Janji ?

Pesakit boleh mendaftar untuk perkhidmatan sistem temu janji di kaunter farmasi atau dengan menggunakan aplikasi MyUBAT.





# MyUBAT : Ubat Melalui Pos (UMP)



## Apakah itu Ubat Melalui Pos (UMP) ?

Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) merupakan perkhidmatan pembekalan ubat susulan pesakit melalui syarikat penghantaran ke lokasi pilihan pesakit dengan caj tertentu.

Bayaran akan dibuat secara tunai oleh pesakit kepada pihak syarikat penghantaran semasa menerima bekalan ubat.

## Bagaimanakah Untuk Mendapatkan Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) ?

Pesakit boleh mendaftar untuk perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) di kaunter farmasi atau dengan menggunakan aplikasi MyUBAT.





# MyUBAT

6

## Faedah Menggunakan Aplikasi MyUBAT

1

Memudahkan proses pendaftaran pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi.

2

Menjimatkan masa menunggu kerana bekalan ubat disediakan sebelum tarikh temu janji.

3

Menjimatkan kos perjalanan bagi pesakit yang tinggal jauh dari fasiliti kesihatan.

6

Dapat menjamin kesinambungan bekalan ubat susulan pesakit.

5

Bekalan ubat susulan dapat dihantar ke lokasi pilihan pesakit.

4

Mengurangkan masalah untuk mencari parkir kenderaan atau beratur.




# MyUBAT

## Bagaimana untuk menggunakan aplikasi MyUBAT ?



Muat turun  
aplikasi MyUBAT



Daftar perkhidmatan  
bekalan ubat susulan



Semak status bekalan  
ubat atau temu janji




Pinda tarikh temu  
janji (jika perlu)

Mari ikuti  
4 langkah  
mudah ini.




Hubungi pegawai farmasi di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia  
untuk sebarang pertanyaan berkaitan aplikasi ini.



# MyUBAT

## Pendaftaran Pengguna Baru



**1** Muat turun aplikasi melalui :



GET IT ON  
Google Play

Download on the  
App Store

EXPLORE IT ON  
AppGallery

**2** Pilih log masuk kali pertama.

Log Masuk

Log Masuk

Log Masuk Kali Pertama



**3** Lengkapkan profil diri.

- Nama
- No. kad pengenalan
- No. telefon
- Negeri

- Hospital/klinik
- Tarikh lahir
- Alamat emel
- Kata laluan

Profil Diri

Tarikh Lahir

*Set Tarikh*

E-mel

Set Kata Laluan

Ulang Kata Laluan


Masuk



[www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my)




Program Perkhidmatan Farmasi



# MyUBAT : Sistem Temu Janji





## 7 Langkah Untuk Membuat Permohonan Sistem Temu Janji

- 1** Klik “Sistem Temu Janji”.
  - 2** Klik “Mohon Perkhidmatan”.
  - 3** Isi tarikh temu janji klinik.  
Muat naik gambar preskripsi atau kad temu janji.  
Klik “Hantar”.
  - 4** Tunggu 1-3 hari bekerja untuk mendapat pengesahan daripada pihak farmasi.
  - 5** Semak status permohonan dan tarikh pengambilan ubat.
  - 6** Dapatkan bekalan ubat di fasiliti kesihatan pada tarikh temu janji.  
Klik “Sah Terima Ubat” selepas menerima ubat.
  - 7** Imbas kod QR di kaunter farmasi.  
Mesej pengesahan akan dipaparkan pada skrin.
- 



# MyUBAT : Ubat Melalui Pos (UMP)

## 7 Langkah Untuk Membuat Permohonan Ubat Melalui Pos (UMP)

- 1 Klik “Ubat Melalui Pos (UMP)”.
- 2 Klik “Mohon Perkhidmatan”.
- 3 Isi tarikh temu janji klinik. Muat naik gambar preskripsi atau kad temu janji. Tanda pada petak persetujuan bayaran. Klik “Hantar”.
- 4 Tunggu 1-3 hari bekerja untuk mendapat pengesahan daripada pihak farmasi.
- 5 Semak status permohonan. Tarikh ubat dipos akan dipaparkan bagi permohonan yang diluluskan.
- 6 Status “Ubat telah dipos” dan ‘tracking number’ akan dipaparkan selepas ubat dipos. Terima ubat daripada syarikat penghantaran. Klik “Sah Terima Ubat” selepas menerima ubat.
- 7 Mesej pengesahan akan dipaparkan pada skrin.